

**RAMALAN PRESTASI KERJA PELAJAR BERDASARKAN AQ DAN
MINAT KERJAYA**

NUR FARHANA MAT NAWI

Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI, 2016

DEDIKASI

Istimewa buat insan-insan yang disayangi iaitu Allahyarham ayahanda yang dicintai Mat Nawi Bin Yusoff, ibunda yang dicintai Che Jah Binti Che Leh, kakak-kakak tersayang Noor Izzati Akma Binti Mat Nawi, Nur Munyati Binti Mat Nawi, Nur Hazwani Binti Mat Nawi dan adik tercinta Nur Amalin Binti Mat Nawi serta rakan-rakan seperjuangan UTHM yang sentiasa memberi sokongan. Terima kasih diatas doa dan restu kalian semua yang mengiringi perjuangan dan kejayaanku.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi pujian dan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan keizinan dan rahmat dariNya, dapat saya menyiapkan Projek Sarjana ini dengan jayanya. Sesungguhnya kepercayaan di atas kekuasaan dan bantuan-Nya lah yang menjadi sumber kekuatan kepada diri saya ini dalam menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan yang melanda semasa kerja-kerja menyiapkan Projek Sarjana ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada penyelia saya untuk Projek Sarjana saya iaitu Dr. Lee Ming Foong diatas kesabaran beliau memberi tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan kepada saya sepanjang berada di bawah penyelian beliau. Tanpa bimbingan ikhlas dari beliau, Projek Sarjana ini mungkin tidak akan berhasil.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda dari lapan fakulti di UTHM, kakitangan di Pejabat Pendaftar UTHM serta semua kakitangan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional yang banyak membantu saya dalam menyiapkan Projek Sarjana ini. Penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada ibu bapa serta adik beradik saya yang telah banyak berkorban dan sentiasa memberi sokongan kepada saya.

Akhir sekali, penghargaan ini juga dirakamkan kepada sesiapa sahaja yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan Projek Sarjana ini. Hanya tuhan sahaja yang mampu membalas segala apa yang telah diberikan oleh mereka selama ini.

Sekian, Terima Kasih.

Nur Farhana Binti Mat Nawi
Januari 2016

ABSTRAK

Prestasi kerja setiap individu dapat diramal menerusi peribadi yang ditonjolkan. Berupaya dalam meramal prestasi kerja sangat memberi faedah dari segala perspektif. Menerusi kajian ini, prestasi kerja pelajar diukur menerusi aspek akademik. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tahap *Adversity Quotient* (AQ) menerusi model *The CORE*, dominan minat kerjaya oleh teori Holland (RIASEK), tahap prestasi kerja berdasarkan tiga kriteria iaitu nilai-nilai kualiti, akauntibiliti dan pengurusan masa. Seterusnya, model ramalan prestasi kerja berdasarkan tahap *Adversity Quotient* (AQ) dan minat kerjaya dibangunkan. Seramai 370 orang pelajar Sarjana Muda dari lapan fakulti di Universiti Tun Husein Onn Malaysia (UTHM) telah dipilih menjadi responden kajian menerusi persampelan strata. Reka bentuk kajian adalah berbentuk tinjauan dan instrumen kajian adalah terdiri daripada borang soal selidik *AQ-Related Personality Traits* (ARP) Stoltz, Inventori *Self-Directed Search Form Easy* (SDSS) Holland dan borang soal selidik Prestasi Kerja. Data dianalisis dengan menggunakan jumlah, min, kekerapan, peratusan dan Ujian Regresi Berganda. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden berada di tahap AQ yang tinggi dengan kekerapan berjumlah 227 pelajar, dominan minat kerjaya pelajar yang mendapat skor min tertinggi (0.63) adalah personaliti Sosial, manakala prestasi kerja pelajar berada pada tahap yang tinggi. Ujian Regresi Berganda menunjukkan bahawa model ramalan prestasi pelajar yang dibangunkan adalah signifikan ($p < 0.05$, *Adjusted R Square* = 0.133) melalui pembolehubah *Adversity Quotient* (AQ) serta dua jenis personaliti minat kerjaya (Sosial dan Entrepreneur) iaitu $PK = 35.21 + 7.28 (S) + 3.98 (E) + 0.11 (AQ)$. Model ini diharap dapat diaplikasikan kepada pelajar Sarjana Muda UTHM bagi meramal prestasi kerja kelak berdasarkan skor AQ, Sosial dan Entrepreneur.

ABSTRACT

The job performance of an individual can be predicted through personal highlighted. Capable to predict job performance is benefiting from all perspectives. Through this study, student's job performance is measured through academic aspects. The aim of this study is to investigate the level of Adversity Quotient (AQ) through The CORE model, the dominant of career interest by Holland's theory (RIASEK), the level of job performance based on three criterias, namely the values of quality, accountability and time management. Next, the prediction model of job performance based on the level of Adversity Quotient (AQ) and career interest is developed. A total of 370 Bachelor's students from eight faculties in Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) has been selected as respondents by the sampling strata. The research was a survey study and the instruments were a questionnaire of AQ-Related Personality Traits (ARP) Stoltz, Inventory Self-Directed Search Form Easy (SDSS) Holland and Job Performance Questionnaire. Data were analyzed using sum, mean, frequency, percentage and Multiple Linear Regression test. The findings show that the majority of respondents are in high level of AQ with frequency of 227 students, the dominant of career interest by students who get the highest mean score (0.63) is the Social personality. The Multiple Linear Regression test shows the prediction model of job performance that developed is significant ($p < 0.05$, *Adjusted R Square* = 0.133) through the variables *Adversity Quotient* (AQ) and two types of personality career interest (Social and Entrepreneur), which $PK = 35.21 + 7.28 (S) + 3.98 (E) + 0.11 (AQ)$. This model is expected to be applied to Bachelor's students of UTHM to predict future job performance based on scores of AQ, Social, and Entrepreneur.

KANDUNGAN

	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	x
	SENARAI RAJAH	xi
	SENARAI SINGKATAN	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Skop Kajian	9
	1.7 Batasan Kajian	9
	1.8 Kepentingan Kajian	10

1.9	Kerangka Konsep Kajian	11
1.10	Definisi Istilah	13
1.11	Rumusan	17
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	18
2.1	Pengenalan	18
2.2	<i>Adversity Quotient</i> (AQ)	19
2.3	Implikasi AQ dalam Ramalan Prestasi Kerja Pelajar	23
2.4	Minat Kerjaya	26
2.5	Teori Minat Kerjaya Holland	28
2.6	Prestasi Kerja Pelajar	33
2.7	Ramalan Prestasi Kerja Pelajar	37
2.8	Model Ramalan Prestasi Kerja Pelajar	38
2.9	Rumusan	40
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	41
3.1	Pengenalan	41
3.2	Reka Bentuk Kajian	41
3.3	Populasi Dan Persampelan Kajian	42
3.4	Instrumen Kajian	43
3.5	Kajian Rintis	45
3.6	Prosedur Analisis	48
3.7	Kaedah Analisis	50
3.9	Rumusan	51
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	52
4.1	Pengenalan	52

4.2	Analisis Demografi	53
4.3	Analisis Tahap <i>Adversity Quotient</i> (AQ)	55
4.4	Analisis Minat kerjaya	56
4.5	Analisis Tahap Prestasi Kerja	57
4.6	Analisis Regresi Berganda	58
4.7	Rumusan	60
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN	61
	CADANGAN	
5.1	Pengenalan	61
5.2	Perbincangan	62
5.3	Kesimpulan	70
5.4	Cadangan	71
5.5	Penutup	74
	RUJUKAN	75
	LAMPIRAN	80
	VITA	106

SENARAI JADUAL

3.1	Jumlah Populasi dan Persampelan Pelajar Sarjana Muda UTHM	43
3.2	Pembahagian Bilangan Item dalam Instrumen	44
3.3	Skor Pemarkahan SDSS	46
3.4	Interpretasi skor Alpha Cronbach	47
3.5	Hasil Analisis Kebolehpercayaan bagi Kajian Rintis	48
3.6	Kaedah Analisis Data	50
3.7	Pangkatan Julat Min	51
4.1	Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	53
4.2	Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Umur	54
4.3	Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa	54
4.4	Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Fakulti	55
4.5	Analisis Jumlah, Kekerapan Dan Peratusan AQ	56
4.6	Analisis Skor Min Minat Kerjaya	57
4.7	Analisis Skor Min Prestasi Kerja	57
4.8	Ringkasan Model	58
4.9	Analisis Model Regresi Berganda	59

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka Konsep Kajian	12
3.2	Model Heksagonal Holland dalam Mentakrifkan Hubungan Psikologi Dan Jenis-Jenis Personaliti	29
3.1	Carta Alir Kajian	49

SENARAI SINGKATAN

UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn
FPTV	-	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
FPTP	-	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan
FSKTM	-	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
FSTPI	-	Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan
FKAAS	-	Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar
FKEE	-	Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
FKMP	-	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan
FTK	-	Fakulti Teknologi Kejuruteraan
SDSS	-	<i>Self Directed Search Easy Form</i>
AQ	-	<i>Adversity Quotient</i>
PK	-	Prestasi Kerja
R	-	Realistik
I	-	Investigatif
A	-	Artistik
E	-	Entrepreneur
K	-	Konvensional
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
C	-	<i>Control</i>
O	-	<i>Ownership</i>
R	-	<i>Reach</i>
E	-	<i>Endurance</i>
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi

SENARAI LAMPIRAN

A	Borang Soal Selidik dan Inventori	80
B	Borang Pengesahan Back to Back Translate	89
B	Borang Semakan Soal Selidik	93
C	Jadual Cohen	103
D	Carta Gantt	104

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia kini sedang menuju ke arah negara maju hasil dari pembangunan ekonomi yang menjadi pemangkin utama dalam pembentukan negara. Keperluan dalam aspek perindustrian menjadi faktor utama kepada Malaysia agar berupaya mejadi pusat pendidikan di taraf dunia (Abd. Rahman, 2007). Justeru itu, pendidikan sangat mempengaruhi dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara contohnya dalam melahirkan modal insan yang berguna. Oleh yang demikian, pendidikan merupakan tunjang utama dalam menentukan kerjaya kelak. Pemilihan kerjaya dan menentukan prestasi kerja pada masa hadapan adalah sangat penting bagi setiap insan khususnya kepada para pelajar di institusi pengajian tinggi yang bakal memasuki alam pekerjaan dan selanjutnya merupakan peneraju pembangunan negara. Secara umumnya, kebanyakan pelajar pada peringkat awal sudah mempunyai pilihan dalam menentukan kerjaya pada masa hadapan. Setiap dari mereka kebiasaannya mempunyai pekerjaan yang diidamkan, malahan sejak dari kecil lagi mereka sudah pandai menyebut ingin menjadi doktor, peguam, polis, penyanyi dan sebagainya (Mohamad, 2013).

Justeru itu, para pelajar harus bijak dalam memilih kerjaya yang berkesesuaian dengan mereka dan juga dalam meramal prestasi kerja di masa hadapan kelak. Jika dilihat dari aspek ramalan prestasi kerja, seseorang pelajar boleh juga dikaitkan dengan minat kerjaya. Berdasarkan kajian terdahulu, para pengkaji telah banyak mengupas dan membahas dalam mengenalpasti hubungan di antara kesesuaian minat dan prestasi kerja. Menurut Le Thi (2007), faktor yang amat penting dalam mencari kesesuaian minat dan prestasi kerja adalah dengan menempatkan seseorang individu itu di tempat kerja yang berpadanan dengannya. Manakala dari aspek kepuasan yang dicapai pula, ianya terhasil daripada kebolehan dan keupayaan yang ditunjukkan dalam pekerjaan. Kepuasan diri dapat dicapai hasil daripada keupayaan seseorang individu dalam menunjukkan minat terhadap sesuatu kerjaya. Menerusi teori kerjaya yang dibangunkan oleh Holland (1997), menerangkan bahawa apabila seseorang individu itu dapat menyelaraskan di antara pemilihan kerjaya dengan personaliti dan persekitaran secara tidak langsung dapat memberikan kesesuaian dalam kerjayanya.

Holland juga mengutamakan konsep-konsep mengenai enam jenis personaliti seseorang menjurus kepada minat kerjaya iaitu Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprenuer, dan Konvensional. Berdasarkan keseluruhan jenis personaliti yang dikupas oleh teori Holland ini, ianya telah di rangka dengan lebih sistematik yang mana dikenali sebagai tipologi heksagon Holland. Menerusi heksagon ini, individu dapat merancang dan mendapatkan pekerjaan kerana aktiviti utama yang dilakukan dalam cara hidup seseorang adalah bermula dari pemilihan kerjaya yang dilakukan. Berdasarkan kajian oleh Abdul Rahim & Rohana (2010), menyatakan bahawa minat kerjaya mempunyai hubungan di antara efikasi diri dan kemahiran employabiliti dengan pemilihan kerjaya. Menerusi perspektif pelajar, minat kerjaya seseorang pelajar hendaklah dikupas bagi memberi keselarasan minat dengan bidang kerjaya yang dipilih apabila tamat belajar (Abdul Rahim & Rohana, 2010). Justeru, seseorang individu khususnya para pelajar berperanan merancang masa hadapan dalam memilih kerjaya yang tepat dan sesuai supaya mereka dapat mencapai kepuasan diri, memperkembangkan bakat dan minat, berkemampuan tinggi melakukan sesuatu perkerjaan dan sebagainya.

Namun begitu, jika dilihat dari sudut kemampuan seseorang individu, terdapat perbezaan mengikut peribadi masing-masing untuk menempuh halangan dalam sesuatu perkara. Kemampuan merupakan sesuatu kebolehan individu dalam

menempuh rintangan hidup. Kemampuan seseorang dalam mengendalikan sesuatu perkara adalah berkait rapat dengan prestasi kerja. Menerusi kajian lepas mengenai prestasi kerja dalam tujuan untuk mengupas teori ramalan prestasi kerja yang dibangunkan oleh Stoltz (2000) iaitu teori yang dilabelkan kepada *Adversity Quotient* (AQ). Teori AQ ini merupakan hubung kait setiap individu dalam menghadapi cabaran hidup. Menurut kepada Stoltz (2000), AQ mempunyai tiga major sains iaitu psikologi kognitif, psikoneuromologi, dan neuropsikologi. Justeru itu, yang paling utama teori AQ ini merupakan daripada personaliti kognitif walaupun ianya tidak dinyatakan. Antara yang diutamakan oleh Stoltz (2000) ialah senarai kepada pengaruh model *The CORE* iaitu kawalan (*Control*), pemilikan (*Ownership*), capaian (*Reach*), dan ketahanan (*Endurance*).

Justeru itu, pelbagai ujian dan eksperimen dijalankan oleh para pengkaji lepas dalam mengetahui tahap *Adversity Quotient* (AQ) seseorang individu dalam kehidupan sama ada kerjaya atau pelajaran. Khususnya kepada para pelajar, setiap dari mereka mempunyai kemampuan yang berbeza dalam menghadapi cabaran ketika belajar. Jika dilihat dari aspek tahap *Adversity Quotient* seseorang pelajar, pelbagai perbezaan dapat diramal kerana menerusi Le Thi (2007), semakin tinggi tahap AQ setiap individu, maka semakin tinggi juga tahap kemampuan cabaran seseorang seterusnya dapat meningkatkan prestasi kerja. Tambahan lagi, daripada kajian terdahulu dan berdasarkan konsep-konsep berkaitan *Adversity Quotient* (AQ) teori ini mempengaruhi kepada prestasi kerja justeru dapat meramal prestasi kerja para pelajar di institusi pengajian. Merujuk kepada aspek prestasi kerja, seseorang individu dikaitkan dengan tahap *Adversity Quotient* (AQ) masing-masing. Manakala menerusi perspektif pelajar pula, meramal prestasi kerja akan datang adalah amat penting untuk mengetahui seseorang pelajar itu berkemampuan atau tidak.

1.2 Latar Belakang Masalah

Menerusi statistik kajian lepas, Malaysia kini mendapat tempat yang ke-170 dari aspek negara yang mempunyai kadar pengangguran terendah iaitu dengan peratusan 3.50 berbanding dengan 198 negara yang lain (Mohd Sabawi, 2013). Namun begitu, biarpun negara kita mempunyai nilai kadar pengangguran yang tidak terlalu tinggi, hakikatnya jumlah graduan di Malaysia yang masih menganggur selepas tamat

pengajian adalah ramai dan merungsingkan semua pihak khususnya ekonomi negara kita. Jika sesebuah negara mempunyai jumlah pengangguran yang tinggi, secara tidak langsung menyumbang ke arah pembaziran sumber manusia dalam pasaran buruh. Abdul Rahim (2010) menyatakan bahawa sejumlah 150,000 graduan dari institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan menamatkan pengajian mereka pada setiap tahun. Namun begitu daripada jumlah graduan tersebut, hanya 44,525 mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian. Masalah pengangguran graduan secara tidak langsung jika dibiarkan lebih lama boleh mendorong ke arah kemerosotan ekonomi negara. Prestasi kitaran ekonomi dapat ditunjukkan menerusi kadar pengangguran. Pelbagai faktor kompleks yang menyebabkan masalah ini berlaku di dalam negara kita. Mohd Sabawi (2013) menyatakan bahawa faktor-faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku apabila terdapat graduan yang sedang menunggu untuk melanjutkan pengajian di peringkat seterusnya iaitu bersamaan dengan peratusan sebanyak 16.2%, manakala faktor yang utama iaitu berperatusan 71.5% adalah disebabkan belum mendapat pekerjaan dan sedang mencari peluang kerja di pasaran.

Pelbagai faktor yang mendorong peningkatan jumlah pengangguran di kalangan graduan masa kini sama ada faktor persekitaran mahupun faktor sosio-ekonomi. Antara faktor para graduan susah dalam mendapatkan pekerjaan adalah disebabkan oleh tawaran kerjaya yang ada tidak berkesesuaian dengan bidang yang diceburi semasa peringkat pengajian dulu. Justeru, keadaan ini mengakibatkan pemilihan kerjaya yang tidak tepat oleh para graduan yang mengundang ke arah prestasi kerja yang tidak berkualiti. Mohd Noah (2002), tiga perkara dijadikan panduan dalam memilih kerjaya yang baik iaitu mengetahui tentang pekerjaan yang ingin diceburi, mengenali personaliti diri dengan lebih jelas, mempunyai daya penaaakulan yang betul dan bijak dalam mentakrif hubungan di antara kedua-dua faktor ini. Keraguan dan ketidakjelasan dalam memilih kerjaya yang sesuai kebiasaannya disebabkan faktor minat yang pelbagai, minat yang tidak jelas dan faktor persekitaran. Semasa proses pemilihan kerjaya penentuan utama untuk dijalankan ialah perbandingan diri, iaitu pelajar menyedari potensi diri dan keupayaan diri terhadap sesuatu bidang. Kebiasaannya minat yang mendalam terhadap bidang itu mendorong individu untuk mendapatkan pekerjaan yang diidamkan (Mohd Sabawi, 2013).

Pekerjaan yang sesuai dengan minat dan kemampuan adalah menjadi idaman kepada setiap insan. Apabila kita bekerja dalam bidang yang sesuai, umumnya lebih

berjaya dari segi prestasi kerja. Namun begitu tidak semudah itu bagi kita untuk mendapatkan pekerjaan yang diidamkan selaras dengan keinginan masing-masing. Pekerjaan adalah aktiviti yang paling penting dalam kehidupan setiap insan dan timbul perasaan berpuas hati apabila mereka memiliki sesuatu pekerjaan yang sesuai dan tetap di mana dapat mempengaruhi status masyarakat, pendapatan dan tahap ekonomi (Mohamad, 2012). Pekerjaan juga dapat mempengaruhi konsep diri, nilai, perasaan, identiti peribadi dan kesejahteraan individu (Yahya, 2003). Hampir seluruh golongan belia tidak kira dari lepasan sekolah mahupun universiti meginginkan kerjaya yang sesuai selepas mengakhiri pengajian masing-masing. Melalui kajian lepas, ratusan ribu lepasan sekolah dan juga institusi pengajian tinggi memasuki alam pekerjaan pada setiap tahun kerana tidak ingin hidup tanpa pekerjaan yang membebani diri, keluarga dan masyarakat (Mohamad, 2013).

Peredaran zaman pada masa moden ini yang semakin mencabar juga menjadi pemangkin kepada seseorang individu dalam mendapatkan bidang pekerjaan yang sesuai. Tumpuan kepada pengumpulan bakat yang berkualiti dengan membenarkan setiap individu untuk mewujudkan strategi yang sistematik untuk meningkatkan kemahiran dan prestasi diri (Goffnett, 2007). Berdasarkan penyelidikan lepas, telah menunjukkan bahawa minat pelajar di dalam kelas formal mempunyai hubung kait dengan pemilihan kerjaya (Tai, Liu, Maltese, & Fan, 2006). Justeru, menerusi aspek pelajar, minat kerjaya dalam setiap individu merupakan salah satu faktor yang penting dalam pemilihan kerjaya yang sesuai untuk meramal hasil prestasi kerja yang berkualiti pada masa hadapan kelak. Namun begitu, terdapat sebilangan pelajar yang masih belum bersedia dan juga belum menyelongkar minat mereka terhadap kerjaya yang diidamkan. Perubahan dalam aspek pemilihan kerjaya setiap insan dapat berterusan sehingga ke akhir remaja, awal dewasa, pertengahan dewasa dan akhirnya sehingga seseorang itu mencapai kepuasan kerjaya dalam dirinya dan secara tidak langsung dapat memberikan fokus yang tinggi kepada sesuatu kerjaya yang dicapai itu. Oleh yang demikian, para pelajar harus mengetahui minat kerjaya yang diinginkan dalam menentukan pemilihan kerjaya pada masa hadapan dalam meramal prestasi kerja masa hadapan kelak.

Tambahan lagi, kemampuan seseorang individu juga memainkan peranan penting dalam meramal prestasi kerja terutamanya ketika menghadapi pelbagai rintangan yang dihadapi kelak. Menerusi aspek prestasi akademik pelajar, setiap dari mereka mempunyai kemampuan tersendiri mengikut peribadi yang berbeza-beza.

Pelajar yang hebat adalah mereka yang mempunyai minat dan keinginan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi (Aminuddin, 2001). Sekiranya pelajar itu mempunyai kemampuan yang minimum, oleh itu dapat menghasilkan prestasi akademik yang rendah dan begitu juga sebaliknya. Justeru, prestasi akademik pelajar memainkan peranan penting dalam meramal prestasi kerja kelak. Faktor penyumbang ke arah pengangguran graduan juga adalah akibat daripada prestasi akademik mereka yang rendah. Dengan pencapaian dalam tahap yang rendah, iaitu CGPA 2.5 ke bawah, agak sukar kepada para graduan untuk mendapatkan tempat di pasaran. Pelajar yang mendapat pencapaian akademik yang cemerlang berupaya memegang posisi yang penting dalam sesuatu organisasi (Kamusin, 2009).

Sehubungan dengan itu, para majikan dapat lebih memilih graduan yang mempunyai prestasi akademik yang tinggi untuk memperoleh prestasi kerja yang berkualiti. Oleh yang demikian para graduan terdorong untuk membuat keputusan menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi daripada kelulusan akademik mereka. Namun begitu, ada juga sesetengah graduan yang mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang tetapi tidak mendapat sebarang pekerjaan. Keadaan ini berlaku apabila mereka tidak mempunyai kemahiran, tidak mempunyai pengalaman kerja dan juga tidak berkeyakinan semasa ditemuduga. Kebanyakan dari kilang-kilang, firma-firma perniagaan, badan kerajaan dan juga badan swasta lebih mengutamakan pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 1 tahun dan ke atas (Mohd Sabawi, 2010). Selain itu juga, majikan memerlukan pekerja yang berkemahiran dan berdaya saing dalam menjamin kualiti kerja yang bagus. Oleh yang demikian, potensi diri dari aspek keupayaan dan kemahiran individu secara tidak langsung memberi kesan terhadap prestasi kerja.

Pelajar yang mampu mengetahui potensi diri dan mempunyai bakat dalaman yang terpendam dan berjaya ditunjukkan secara luaran cenderung ke arah prestasi akademik yang cemerlang seterusnya dapat meramal prestasi kerja yang berkualiti. Kebanyakan berpendapat bahawa pelajar yang mempunyai IQ tinggi mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang, namun begitu AQ juga merupakan komponen penting dalam mencapai prestasi akademik yang cemerlang (Huijuan, 2009). Setiap individu dianugerahkan kemampuan dalaman yang tersendiri dan berbeza mengikut peribadi masing-masing. Kemampuan dalaman insan berhubungkait dengan tahap *Adversity Quotient* (AQ) yang dimiliki masing-masing. Teori ramalan prestasi kerja yang dibangunkan oleh Stoltz (2000) dan dilabelkan kepada *Adversity Quotient* (AQ)

iaitu merupakan tahap individu dalam menghadapi rintangan hidup. Menerusi kajian Stoltz (2000), seseorang yang mempunyai AQ yang tinggi dapat menghadapi cabaran dengan mudah. Justeru, tahap AQ seseorang pelajar juga merupakan faktor yang penting dalam mengetahui potensi diri untuk meramal prestasi akademik dan seterusnya meramal prestasi kerja di masa hadapan kelak.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada masa kini, masalah pengangguran di kalangan siswazah di negara kita semakin meningkat walaupun tawaran pekerjaan di pasaran masih banyak. Masih ramai graduan yang menganggur walaupun sudah lama menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT). Sesetengah dari mereka ada yang mendapat tawaran kerja namun tidak bersesuaian dengan bidang mereka ceburi. Selain itu, graduan yang mempunyai kelulusan yang rendah pula menghadapi masalah kebolehpasaran dan terpaksa menganggur dalam tempoh yang lama. Tambahan lagi, kebanyakan dari graduan juga tidak memenuhi kehendak pihak majikan. Para majikan pula akan lebih terperinci dalam memilih graduan iaitu berdasarkan kriteria yang lebih berkualiti untuk memberikan faedah kepada firma-firma perniagaan mereka. Oleh yang demikian, para pelajar perlu bersaing antara satu sama lain untuk meramal prestasi kerja yang baik pada masa hadapan. Justeru itu, prestasi kerja iaitu dari aspek akademik seseorang pelajar ketika di institusi pengajian adalah sangat memainkan peranan penting dalam membantu mereka untuk meningkatkan prestasi diri ke arah memilih dan membina kerjaya yang sesuai. Prestasi akademik para pelajar berkait rapat dengan minat dan kemampuan masing-masing. Antara yang dikaji dalam penyelidikan ini ialah tahap *Adversity Quotient* (AQ) dan minat kerjaya di kalangan pelajar dalam prestasi akademik mereka. Namun begitu, sejauhmanakah kedua-dua perspektif ini dapat meramal prestasi kerja seseorang pelajar? Perkara yang mendorong pengkaji dalam menghasilkan kajian ini ialah apabila timbulnya beberapa persoalan yang berkaitan tentang tahap *Adversity Quotient* (AQ) dan juga minat kerjaya dalam kalangan pelajar UTHM dari aspek prestasi akademik mereka untuk meramal prestasi kerja di alam pekerjaan kelak.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan daripada pernyataan masalah yang dinyatakan, kajian yang dijalankan secara tinjauan ini adalah bertujuan untuk:

- a) Mengenal pasti tahap *Adversity Quotient* (AQ) dalam kalangan pelajar sarjana muda UTHM.
- b) Mengenal pasti minat kerjaya dalam kalangan pelajar sarjana muda UTHM.
- c) Mengenal pasti tahap prestasi kerja dalam kalangan pelajar sarjana muda UTHM.
- d) Membangunkan model ramalan prestasi kerja pelajar berdasarkan tahap *Adversity Quotient* (AQ) dan minat kerjaya.

1.5 Persoalan Kajian

Menerusi kajian ini, terdapat empat persoalan kajian yang perlu dijawab dalam memastikan bahawa objektif-objektif kajian dapat diperjelaskan. Antara persoalan kajian yang utama adalah seperti berikut:

- a) Apakah tahap *Adversity Quotient* (AQ) dalam kalangan pelajar Sarjana Muda UTHM?
- b) Apakah dominan minat kerjaya dalam kalangan pelajar Sarjana Muda UTHM?
- c) Apakah tahap prestasi kerja dalam kalangan pelajar Sarjana Muda UTHM?
- d) Sejauhmanakah tahap *Adversity Quotient* (AQ) dan minat kerjaya dapat meramal prestasi kerja pelajar Sarjana Muda UTHM?

1.6 Skop Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada usaha untuk mendapatkan data dan maklumat dalam mengenalpasti prestasi kerja, tahap *Adversity Quotient* (AQ) dan minat kerjaya dalam kalangan pelajar Sarjana Muda di Universiti Tun Husein Onn (UTHM). Seterusnya dalam membangunkan model untuk meramal prestasi kerja para pelajar Sarjana Muda UTHM berdasarkan tahap *Adversity Quotient* (AQ) dan minat kerjaya. Dari aspek minat kerjaya, pengkaji menumpukan kepada teori minat kerjaya Holland untuk menyokong kajian ini yang mengutamakan kepada dua faktor iaitu personaliti dan persekitaran. Menerusi teori ini, Holland (1997) mengemukakan enam jenis personaliti yang menjurus kepada minat kerjaya iaitu Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprenuer, dan Konvensional. Manakala teori sokongan dalam mengenalpasti tahap *Adversity Quotient* (AQ) para pelajar yang diutamakan oleh Stoltz (2000) ialah senarai kepada pengaruh model *The CORE* iaitu Kawalan (*Control*), Pemilikan (*Ownership*), Capaian (*Reach*), dan Ketahanan (*Endurance*). Menerusi prestasi kerja pelajar dari aspek akademik boleh diukur dan dinilai dari tiga kriteria iaitu nilai-nilai kualiti, akauntabiliti dan pengurusan masa yang diadaptasikan daripada kajian Zainal Abidin (2006).

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian merupakan kekangan dan masalah yang dihadapi oleh pengkaji dalam menjalani kajian ini. Kajian ini dijalankan di Universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor. Faktor batasan dari segi masa, pengangkutan dan kewangan yang terhad, kajian ini hanya dijalankan ke atas para pelajar Sarjana Muda yang telah dipilih di seluruh fakulti di UTHM. Responden dipilih berdasarkan lapan fakulti yang berbeza untuk mengenalpasti dapatan yang berbeza. Responden ini dipilih berdasarkan tujuan kajian dan bagi mendapatkan maklumat yang berbeza dari segi profil pelajar yang berlainan bidang. Sehubungan dengan itu, hasil dapatan kajian tidak dapat digeneralisasikan kepada pelajar di institusi yang lain kerana hanya terbatas ke atas pelajar UTHM.

1.8 Kepentingan Kajian

Menerusi kajian yang dijalankan ini, penyelidik berharap dapat menyumbangkan kepentingan terhadap pelbagai pihak yang berkaitan, terutamanya dalam mendapatkan data dan maklumat yang berfaedah dan diaplikasikan dalam kehidupan masing-masing. Antara pihak yang terbabit dalam mendapat kepentingan dalam kajian ini ialah:

a) Pelajar UTHM

Tujuan utama kajian ini dijalankan ialah untuk meramal prestasi kerja melalui tahap *Adversity Quotient* dan juga minat kerjaya di kalangan pelajar Sarjana Muda di UTHM. Kajian ini memberi kepentingan yang positif kepada para pelajar di UTHM kerana dapat mengenali dan memahami perkaitan personaliti melalui tahap *Adversity Quotient* (AQ) dan minat kerjaya mereka. Justeru itu, ini dapat membantu para pelajar dalam meramal prestasi kerja dan secara tidak langsung dapat menentukan masa hadapan ketika masih di universiti lagi.

b) Pensyarah UTHM

Kajian ini juga memberi kepentingan kepada para pensyarah di UTHM. Melalui kajian ini, pensyarah dapat lebih mengenali para pelajar mereka dengan mengetahui lebih lanjut tentang prestasi kerja mereka dari aspek akademik, tahap AQ dan juga minat kerjaya mereka. Kajian ini juga memberi faedah yang baik kepada pensyarah terutamanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

c) Pengurusan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Kajian ini dijalankan di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dalam meramal prestasi kerja para pelajar berdasarkan *Adversity Quotient* (AQ) dan minat kerjaya. Oleh yang demikian, kajian ini sangat berkepentingan kepada universiti kerana dapat meramal prestasi kerja pelajar menerusi aspek akademik. Secara tidak langsung dapat memberi faedah dari aspek prestasi universiti dalam menghasilkan pengeluaran

pelajar yang menjurus ke arah prestasi kerja yang cemerlang. Selain itu, belum lagi terdapat kajian terhadap ramalan prestasi dijalankan di universiti ini, maka daripada analisis dan dapatan kajian ini dapat menjadi perintis kepada kajian-kajian yang berkaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung.


d) Pengkaji Lain

Melalui kajian yang dihasilkan ini dapat memberi kepentingan kepada kajian lanjutan yang dilakukan oleh para pengkaji lain. Oleh kerana kajian seperti ini belum dijalankan di UTHM, para pengkaji lain boleh menjadikan kajian ini sebagai rujukan jika kajian mereka mempunyai kaitan dengan kajian ini dan dijadikan kajian lanjutan selaras dengan peredaran masa dan mengikut keadaan yang bersesuaian.

1.9 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep dibina untuk menerangkan dalam bentuk grafik atau dalam bentuk jalan cerita mengenai kajian yang dijalankan. Kerangka konsep merupakan kunci utama dalam menghubungkan kaitkan setiap pemboleh ubah dalam kajian dan bentuk kajian yang dilakukan. Kerangka konsep yang disediakan oleh pengkaji menjelaskan tentang ramalan prestasi kerja di kalangan pelajar sarjana muda UTHM dari berlainan fakulti. Kajian ini bertujuan dalam membangunkan model ramalan prestasi kerja untuk mengukur perkaitan antara semua elemen yang diselidik oleh pengkaji.

Dalam meramal prestasi kerja, pengkaji mengkaitkan prestasi kerja pelajar iaitu menerusi prestasi akademik, tahap Adversity Quotient (AQ) dan minat kerjaya mereka. Prestasi akademik pelajar yang mengikut semua kriteria dapat meramal prestasi kerja yang berkualiti pada masa akan datang. Selain itu, jika pelajar mempunyai tahap Adversity Quotient (AQ) yang tinggi maka akan meramal prestasi kerja yang bagus. Manakala melalui minat kerjaya, pelajar dapat mengetahui pilihan kerjaya masing-masing melalui personaliti yang berbeza dan membolehkan mereka meramal prestasi kerja dengan lebih baik. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep kajian yang menggambarkan proses kajian sehingga dapat membangunkan model ramalan prestasi kerja.



Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian

1.10 Definisi Istilah

Dengan tujuan supaya pembaca kajian ini tidak menyalahaksir mengenai beberapa istilah yang terkandung dalam kajian ini, defisini istilah adalah diperlukan sebagai menyenangkan dan memberi kefahaman yang lengkap kepada para pembaca. Antaranya beberapa istilah yang diaplikasi dalam kajian ini ialah:

a) **Adversity Quotient**

Adversity Quotient (AQ) adalah teori merujuk kepada kemampuan seseorang individu dalam menghadapi cabaran dengan mempunyai sebab-sebab yang munasabah yang boleh mendorong individu itu menanganinya diperjelas lagi menerusi model *The CORE* iaitu kawalan (*Control*), pemilikan (*Ownership*), capaian (*Reach*) dan ketahanan (*Endurance*).

b) **Kawalan (*Control*)**

Kawalan merujuk kepada bagaimana seseorang individu dapat menguasai dan mempengaruhi sesuatu keadaan.

c) **Pemilikan (*Ownership*)**

Pemilikan di sini bermaksud kepada seseorang itu bertanggungjawab dengan apa yang sudah berlaku.

d) **Capaian (*Reach*)**

Capaian memberi maksud kepada sejauhmana seseorang membenarkan halangan dan kekangan berada dalam hidupnya.

e) Ketahanan (*Endurance*)

Ketahanan membawa erti kepada berapa lama halangan yang ada dalam hidup seseorang dan berapa lama boleh bertahan menghadapi cabaran hidup.

f) Minat kerjaya

Minat kerjaya diistilahkan sebagai satu ekspresi personaliti terhadap pekerjaan, hobi, aktiviti dan sebagainya. Menerusi kajian ini, minat kerjaya merujuk kepada pelajar UTHM dalam pemilihan kerjaya berdasarkan minat dan bakat masing-masing yang dapat mempengaruhi prestasi kerja pada masa hadapan.

g) Minat Kerjaya Holland

Terdapat enam pola minat kerjaya mengikut teori Holland iaitu Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprenur, dan Konvensional.

h) Realistik

Individu Realistik menggemari aktiviti-aktiviti seperti memanipulasikan secara sistematik terhadap objek, mesin, peralatan dan binatang.

i) Inventigatif

Individu ini lebih meminati aktiviti penyiasatan secara pemerhatian, simbolik, sistematik dan kreatif dari aspek fizikal, biologi dan kebudayaan.

j) Artistik

Individu ini menggemari aktiviti yang bebas dan tidak sistematik. Cekap dalam bahasa, muzik, seni, drama dan penulisan.

k) Sosial

Individu Sosial meminati aktiviti yang memanipulasikan orang lain seperti menceritakan, memberitahu, mendidik dan mengubati. Cekap dalam berkomunikasi tetapi kurang dalam bidang manual dan teknikal.

l) Konvensional

Individu Konvensional meminati aktiviti yang berkaitan dengan berstruktur, sistematik, memanipulasikan data seperti menyimpan, merekod, menyusun dan memproses data. Cekap dalam perkeranian dan sistem perniagaan tetapi kurang dalam kesenian.

m) Enterprenur

Individu Enterprenur lebih menggemari aktiviti seperti mengarah, memimpin dan mencapai matlamat organisasi dan membuat keuntungan ekonomi. Cekap memimpin dan interpersonal tetapi menghindari aktiviti seperti pemerhatian dan simbolik.

n) Ramalan

Ramalan didefinisikan sebagai proses untuk menganggar kewujudan sesuatu keadaan pada masa hadapan dengan agak-agak, menggunakan peralatan, teknik lain dan sebagainya. Dalam kajian ini, ramalan diskopkan kepada ramalan prestasi kerja dalam aspek akademik menerusi AQ dan minat kerjaya.

o) Prestasi kerja

Prestasi kerja adalah kebolehan dan potensi diri seseorang individu dalam melakukan kerja. . Prestasi kerja dalam kajian ini membawa maksud sebarang peningkatan

positif atau perubahan yang melibatkan aspek akademik para pelajar yang dapat diukur dari tiga aspek iaitu nilai-nilai kualiti, akauntibiliti dan pengurusan masa.

p) Nilai-nilai Kualiti

Nilai-nilai kualiti yang perlu ada pada setiap individu dalam meramal prestasi yang bagus adalah seperti integriti, profesionalisma, neutraliti, kepimpinan, bekerjasama dan pengurusan diri.

q) Akauntibiliti

Akauntabiliti didefinisikan sebagai tanggungjawab seseorang individu dalam melakukan tugas yang diserahkan dan memastikan objektif tugas tercapai.

r) Pengurusan Masa

Pengurusan masa bermaksud mampu menguruskan dan membahagikan masa dengan berkesan supaya dapat melakukan aktiviti dan berasa puas hati dengan apa yang dilakukan tanpa gangguan.

s) Pelajar

Pelajar membawa maksud individu yang belajar seperti murid sekolah dan penuntut IPT. Selain itu, orang yang mengaji contohnya meyelidik ilmu. Dalam kajian ini, pelajar merujuk kepada pelajar dari seluruh lapan fakulti di UTHM.

t) Model Ramalan Prestasi Kerja

Model ramalan prestasi kerja ini merupakan penggerak utama dalam kajian ini. Kajian ini bertujuan dalam membangunkan model untuk meramal prestasi kerja di kalangan pelajar UTHM menerusi aspek akademik, AQ dan minat kerjaya. Model ini

dianalisis melalui ujian statistik regresi berganda (*Multiple Regression*) untuk mendapatkan dapatan kajian.

1.11 Rumusan

Menerusi Bab 1, jelasnya secara keseluruhan menghuraikan mengenai kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Penerangan yang lengkap termasuklah kepada pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian yang menghasilkan kepada objektif dan persoalan kajian juga telah dijelaskan. Bab 1 khususnya berkaitan dengan konsep kajian yang diperoleh berdasarkan pernyataan masalah yang terkandung isu-isu untuk mendorong pengkaji menjalankan kajian ini. Kajian ini dijalankan untuk meramal prestasi kerja dalam aspek akademik pelajar menerusi AQ dan minat kerjaya dalam kalangan pelajar UTHM. Prestasi kerja yang cemerlang boleh diramal dari awal agar memberikan faedah kepada para pelajar ketika memasuki alam pekerjaan nanti. Melalui beberapa elemen yang dikaji dalam kajian ini membolehkan pengkaji mengumpul dan menganalisis data dan selanjutnya dalam membangunkan model ramalan prestasi kerja.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian literatur mempunyai kepentingan dalam sesuatu kajian kerana dapat mengupas lagi kajian yang dijalankan dengan memastikan ia selari dengan objektif dan skop kajian. Menerusi bab ini, penekanan terhadap kajian-kajian lepas mengenai kajian yang dijalankan ini. Kajian-kajian terdahulu yang berkaitan ramalan prestasi kerja pelajar menerusi *Adversity Quotient* (AQ) dan minat kerjaya dikupas secara terperinci lagi. Pengkaji membincangkan teori-teori dan model-model yang berkaitan sebagai rujukan dalam melaksanakan kajian ini. Oleh yang demikian, bab ini membincangkan berkaitan aspek-aspek yang dikaji, teori, model dan pendekatan yang berkaitan dengan kajian.

Tambahan lagi, dapatan-dapatan kajian yang dihasilkan dalam kajian lepas dapat membantu pengkaji dengan memberi perbandingan hasil dapatan kajian yang diperoleh nanti. Kepelbagaian dapatan kajian yang berbeza dapat membantu pengkaji dalam memantapkan hasil kajian dengan menjadikan kajian-kajian lepas sebagai panduan dan sokongan.

2.2 *Adversity Quotient (AQ)*

Adversity Quotient (AQ) dapat mengukur bagaimana seseorang itu berupaya dalam menghadapi kesukaran atau cabaran dan mengenalpasti tahap kemampuan mental individu menerusi peribadi dalaman. Menerusi daripada kesukaran setiap hari dalam hidup, Stoltz mula menghuraikan dunia sentiasa mempunyai perubahan mengikut peredaran masa dan situasi. Menurutny lagi, tekanan menjadi semakin meningkat dan kita pula hanya menanggung sama ada mampu atau tidak untuk menanggungnya. Manakala seseorang individu yang tidak mampu menghadapi kesukaran yang berlaku menjadi putus harapan dan menjadi kecewa. (Stoltz, 1997) menamakan situasi seperti ini sebagai krisis harapan (*a crisis of hope*). Kita hidup dalam dunia pelbagai cabaran yang akan menguasai diri jika tidak mampu menanggungnya.

Stoltz (1997) menyatakan bahawa kesukaran tak semestinya dalam skala negatif yang besar contohnya seperti mendapat kemalangan kereta atau menjadi mangsa penyakit kanser. Namun masalah kecil seperti terbangun lambat, terperangkap dalam sesakan lalu lintas dan secara tidak langsung lewat ke pejabat juga merupakan kesukaran dalam kehidupan. Pelbagai kesukaran akan muncul dalam kehidupan kita tanpa kita menyedari bila akan terjadi. Oleh yang demikian, kita hendaklah bersedia dari segi mental dan fizikal dalam menghadapi kesukaran dan cabaran hidup untuk mengelak dari kekecewaan yang melampau. Dalam mendefinisikan kesukaran hidup, Stoltz (1997) menggambarkan tiga peringkat kesukaran yang mana dilabelkan kepada sosial (*societal*), tempat kerja (*the workplace*) dan cabaran individu (*individual adversity*).

Kesukaran sosial (*societal adversity*) merupakan pengalaman terhadap perubahan yang besar contohnya seperti dalam masalah kewangan, masalah dalam jenayah dan kekejaman, masalah keluarga, perubahan dari segi ekonomi dan masa hadapan yang memberi kesan yang negatif terhadap sekeliling. Seterusnya kesukaran di tempat kerja (*workplace adversity*), kejayaan sesuatu organisasi bergantung kepada para pekerja untuk memberikan prestasi kerja yang cemerlang. Majikan pula hanya melantik dan menggaji para pekerja yang berprestasi kerja yang bagus tanpa merugikan organisasi tersebut. Oleh yang demikian, para pekerja harus sentiasa menonjolkan potensi diri untuk bersaing dengan yang lain dengan tujuan pekerjaan sedia ada tidak tergugat.

Manakala dari segi kesukaran individu (*individual adversity*) adalah berkait di antara dua peringkat lain iaitu kesukaran sosial dan kesukaran di tempat kerja. Ini disebabkan oleh individu tersebut akan menanggung beban jika berlaku kesukaran di sosial atau tempat kerja. Jika seseorang itu tidak mampu menghadapi kesukaran tersebut, akan menjadi masalah yang besar dan seterusnya boleh menjurus ke arah tidak dapat mengawal diri dan mental. Dalam menghadapi kesukaran yang terjadi, Stolz (1997) menjurus ke arah bagaimana individu bertindakbalas terhadap kesukaran yang dihadapi. Cara bagaimana seseorang itu bertindakbalas ke atas kesukaran yang berlaku bergantung kepada peribadi masing-masing.

Seseorang individu mengendalikan sesuatu kesukaran seperti konflik, tarikh tamat, ketidakadilan, peluang dan cabaran yang dihadapinya melalui tahap AQ masing-masing berkait rapat dengan *CORE* dalaman mereka. Perbezaan tahap AQ individu itu dinyatakan oleh Stoltz (1997, 2000) melalui empat dimensi yang dikenali sebagai *CORE* iaitu Kawalan (*Control*), Pemilikan (*Ownership*), Capaian (*Reach*), Dan Ketahanan (*Endurance*). *CORE* dalaman individu menggambarkan bagaimana seseorang itu bertindakbalas ke atas kesukaran yang dihadapi.

a) Kawalan (*Control*)

Dimensi Kawalan (*Control*) dalam AQ merupakan bagaimana seseorang itu berfikir supaya mampu mempengaruhi keadaan yang berlaku. Seterusnya, mendorong seseorang itu dalam membina kemampuan dan mengawal kesukaran tersebut. Menurut Stoltz (1997, 2000), kawalan memainkan peranan yang penting dalam empat dimensi *CORE* yang mana dibuktikan apabila Stoltz bercakap sendiri dengan seseorang yang menghadapi kesukaran dan bertindakbalas terhadapnya. Individu yang mempunyai kawalan yang tinggi dapat bersikap tidak mudah putus asa dan tetap teguh untuk mencari jalan penyelesaian walaupun akan menghadapi kesukaran.

Kawalan merupakan kemampuan seseorang dalam sentiasa mencari jalan untuk meningkatkan situasi sama ada di rumah, tempat kerja atau di tempat lain. Memberi tumpuan yang tinggi dalam sesuatu masalah dapat mempengaruhi dan meningkatkan penyelesaian berbanding tidak langsung mencuba. Tanpa dimensi Kawalan, kemampuan untuk berharap dan memulakan tindakan menjadi sukar

dicapai (Stoltz, 1997). Individu yang tidak mempunyai kawalan dalam tahap AQ terdorong ke arah tiada tindakan yang diusahakan kerana dipengaruhi oleh fikiran negatif iaitu tidak dapat berfikir cara penyelesaian masalah yang dihadapi secara tidak langsung, tidak dapat menghasilkan impak yang bermanfaat. Secara menyeluruh, seseorang yang kurang atau tidak langsung mempunyai kawalan dalam AQ terhadap sesuatu kekurangan menjadi hilang motivasi diri dan kecelaruan dalam pemikiran, perasaan dan tindakan (Le Thi, 2007).

b) Pemilikan (*Ownership*)

Dimensi Pemilikan (*Ownership*) dalam AQ merujuk kepada peranan tanggungjawab seseorang individu terhadap kesalahan yang dilakukan sama ada secara sengaja atau tidak. Tambahan lagi, individu itu mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan kesukaran yang berlaku bersama-sama orang lain dengan melibatkan diri dengan penuh komitmen dan tanggungjawab. Atau dengan erti kata lain, sama-sama bertanggungjawab dengan yang lain dan bertindak sebagai ketua untuk menyelesaikan masalah dan membantu yang mana perlu. Kebiasaannya situasi ini sering berlaku di sesuatu organisasi di antara pekerja. Menurut Stoltz (2000), menuduh kesalahan adalah tidak produktif dan akan menjadi perosak jika dibiarkan kepada sesuatu keadaan. Stoltz (2000) juga menyatakan bahawa menyalahkan seseorang akan menyebabkan kehancuran tenaga, harapan dan penghargaan diri.

Justeru itu, mengaplikasikan dimensi Pemilikan menghasilkan kerjasama antara satu sama lain secara sihat, pengukuhan yang besar dan dasar kepercayaan yang tinggi (Stoltz, 2000). Persekitaran yang positif ini akan menggalakkan kerja berpasukan dan inovasi yang hebat. Dimensi Pemilikan ini juga merupakan pandangan pertama kepada pengenalan baru. Sesetengah individu mempercayai bahawa sesuatu kejadian yang mempunyai kesukaran itu terjadi adalah disebabkan nasib atau kepercayaan manakala yang lain mempercayai kesukaran itu berlaku hasil daripada impak luaran tanpa disedari dan dikawal (Le Thi, 2007).

c) Capaian (*Reach*)

Capaian merujuk kepada bagaimana seseorang itu membenarkan kesukaran berlaku dalam kehidupannya. Mengikut pada logik, semakin besar sesuatu masalah maka semakin besar potensi kerosakan yang akan berlaku (Le Thi, 2007). Justeru, keadaan ini terjadi adalah kerana pengaruh masalah semakin senang berleluasa jika seseorang itu mempunyai nilai yang negatif seperti takut, tidak tetap pendirian, tidak suka menolong dan tidak bertindak (Stoltz, 2000). Tambahan lagi, jika seseorang individu mempunyai sifat untuk mentafsir setiap perkara buruk yang berlaku dalam kehidupan dan menganggap ianya memberi impak yang tidak stabil dan memberi kesan yang buruk terhadap individu itu, maka individu tersebut akan berusaha menyelesaikan masalah tersebut supaya tidak kekal dalam kehidupan seharian.

Seterusnya, jika individu itu menganggap kesukaran yang dihadapi stabil dalam situasi itu secara tidak langsung akan menjurus ke arah pengekalan masalah tersebut. Menerusi ini, individu yang mempunyai ciri-ciri yang stabil pada akhirnya akan berasa kecewa dan tidak berdaya manakala berbeza dengan individu yang mempunyai tabiat ingin meningkatkan diri dari kesukaran akan merasakan kejayaan pada masa hadapan. Elemen yang ditonjolkan ini berkait rapat juga dengan dimensi Capaian oleh Stoltz. Individu yang mempunyai tahap AQ yang tinggi merupakan individu yang berupaya membataskan terhadap capaian sesuatu kesukaran dan bertindak untuk meningkatkan situasi yang kurang memuaskan (Stoltz, 2000).

d) Ketahanan (*Endurance*)

Dimensi Ketahanan dalam AQ ditafsirkan sebagai sejauhmana seseorang individu itu membiarkan kesukaran berlaku dalam kehidupannya. Kesukaran yang dihadapi dalam tempoh masa yang lama atau kekal akan dianggap lebih kritikal berbanding dengan kesukaran yang berlaku hanya sementara. Memiliki kemampuan yang dapat melihat kesukaran lampau yang dianggap akan menjadi tahan lama dan kekal, dan sebaliknya bertindak untuk mentafsir semula kesukaran tersebut menjadi tidak kekal. Menerusi Stoltz (2000), keadaan ini akan membantu memperkukuhkan tindakbalas seseorang itu terhadap kesukaran yang dihadapi. Sebagai contoh, dipecat dalam kerjaya mungkin ditafsirkan dan dikaitkan dalam sesuatu yang sementara.

Oleh itu, ia akan membenarkan tanggapan bahawa dipecat dari kerja mungkin adalah kerana kekurangan usaha, tidak bersesuaian, atau strategi yang tidak berkualiti. Berdasarkan keadaan ini, seseorang itu akan berusaha untuk membuat perubahan yang mana dapat meningkatkan prestasi kerja pada masa hadapan jika mempunyai peluang kerja yang lain.

Namun begitu, jika dikaitkan dengan dibuang dari kerja tanpa sebarang sebab walhal individu tersebut mempunyai kriteria yang baik seperti bijak, penampilan yang bagus dan lain-lain penyebab, akan mengakibatkan kekalahan dalam diri individu tersebut. Oleh yang demikian, seseorang yang mempunyai ketahanan yang tinggi akan mencari balik makna disebalik kesukaran yang dihadapi berdasarkan pengalaman yang ada (Le Thi, 2007). Jika penyebab berlakunya kesukaran dikaitkan kepada ciri-ciri yang stabil contohnya keselesaan, secara tidak langsung akan menjadikan kesukaran itu kekal dan memberi kesan negatif kepada masa hadapan. Manakala, jika dikaitkan dengan ciri-ciri yang tidak stabil seperti bukan rezeki pada hari kejadian maka hasilnya mungkin akan mengubah masa depan yang positif dengan mencuba pada hari yang lain untuk meningkatkan diri (Atkinson, 2000).

2.3 Implikasi AQ dalam Ramalan Prestasi Kerja Pelajar

Dimensi model CORE dalam AQ didefinisikan sebagai cara individu melakukan tindakan. Hanya pada yang betul-betul memahami dimensi CORE ini akan berkemampuan untuk memulakan perubahan dan mengukuhkan kebaikan seperti ketabahan, disiplin, keberanian dan penguasaan. Stoltz (2000) menyatakan bahawa AQ boleh menjadi faktor yang paling penting untuk meramal kejayaan. Dalam pengaplikasian terhadap ramalan prestasi kerja, jika seseorang itu mempunyai tahap kawalan AQ yang rendah akan menjurus ke arah kemerosotan potensi kualiti kerja.

Oleh itu, ramalan terhadap prestasi kerja juga dicadangkan oleh Stoltz (1997) dengan mengaplikasikan dimensi Kawalan (*Control*) yang merujuk kepada seseorang itu mampu mengawal kesukaran. Secara tidak langsung menjadi elemen kepada peramal prestasi kerja yang disokong dalam kajian Stoltz (1997). Pemilikan (*Ownership*) dalam AQ yang tinggi mendorong ke arah prestasi kerja yang berkualiti. Sikap yang bertanggungjawab atas kesukaran yang berlaku merupakan

faktor yang penting dalam meramal prestasi kerja (Le Thi, 2007). Menerusi dimensi Capaian (*Reach*) dan Ketahanan (*Endurance*), individu yang bersikap optimis akan menghasilkan prestasi kerja yang berkualiti berbanding seseorang yang tidak mempunyai kesedaran tentang peningkatan dan motivasi diri (Judge dan Bono, 2001).

Menerusi bidang psikologi, para psikologi menumpukan kepada perspektif yang berbeza untuk mengkaji sikap manusia contohnya hubungan antara EQ dan pencapaian akademik atau IQ seseorang individu dengan prestasi akademik dan ESQ pelajar dengan prestasi akademik. Selain daripada IQ, EQ, SQ dan juga ESQ, untuk mengkaji tahap prestasi kerja pelajar menerusi akademik mereka, AQ juga boleh diaplikasikan dalam sesuatu kajian. Kebiasaannya, persepsi umum menyatakan individu yang mempunyai IQ yang tinggi akan menghasilkan prestasi akademik yang tinggi. Namun begitu, selain IQ, AQ juga memainkan peranan yang penting dalam meramal prestasi akademik para pelajar. Stoltz (2000) menyatakan bahawa seseorang yang mempunyai AQ yang tinggi akan lebih berdaya tahan dalam menghadapi kesukaran, menjadi orang yang berprestasi tinggi dan mampu mengekalkan prestasi tersebut dalam tahap yang tinggi, sentiasa bersikap optimis dan berupaya dalam menanggung risiko. AQ yang tinggi akan membantu pencapaian prestasi akademik yang bagus (Huijuan, 2009).

Satu kajian yang dijalankan oleh Huijuan (2009) bertajuk AQ dan Prestasi Akademik dalam kalangan pelajar Kolej St. Joseph, Bandar Quezon yang bertujuan untuk mengkaji AQ dan prestasi akademik pelajar ketika tahun 2008 hingga 2009. 280 orang pelajar kolej perempuan dan lelaki dijadikan responden menerusi teknik persampelan rawak. Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik ARP, manakala instrumen lain merupakan helaian data profil responden yang dibangunkan untuk mengetahui maklumat demografi untuk kajian ini. GPA mereka ketika semester pertama digunakan dalam menentukan prestasi akademik. Pembolehubah profil responden juga dikaji untuk mengetahui sama ada AQ dan prestasi akademik akan dipengaruhi oleh faktor-faktor yang dinyatakan. Hasil daripada ujian-t mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara AQ dan jantina. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam hasil bagi AQ daripada responden apabila telah diuji menerusi kursus dan tahap tahun melalui ujian sehala ANOVA. Akhir sekali, keputusan

RUJUKAN

- Abdul Rahim, R. (2010). *Minat Kerjaya, Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya, Kemahiran Employability dan Pilihan Kerjaya Pelajar Vokasional Pertanian di Semenanjung Malaysia* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Abdul Rahim, Rohana B. A., & FALSFAH, D. (2010). *Minat Kerjaya, Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya, Kemahiran Employability, dan Pilihan Kerjaya Pelajar Vokasional Pertanian di Semenanjung Malaysia* (Doctoral dissertation, Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia).
- Abdul Rahman, A. (2007). *Sekolah sebagai Sebuah Organisasi Pembelajaran: Satu Kajian di Pontian, Johor*. *Jurnal Pendidikan* 31 (2007)123-141.
- Abdullah, N. H. (2001). *Kajian terhadap minat kerjaya di kalangan pelajar di Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa* (Doctoral dissertation, Kolej Universiti Teknoigi Tun Hussein Onn).
- Abu Bakar, Z., & Tumin, F. (2011). Hubungan Antara Minat Pelajar dan Sikap Ibu Bapa Dengan Prestasi Matematik Terbaik Pelajar. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 1(2), 25-43.
- Aminuddin, R. (2001). *Ke Mana Haluan Saya Sekarang*. Unit Pengajaran dan Pembelajaran, Pejabat Kaunselor, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- A.Manaf. *Keserasian Personaliti Pelajar dengan kerjaya Agen Pengembangan* (2013). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor.
- Arthur, M.B., Khapova, S.N. & Wilderom, C.P.M. (2005). Career success in a boundaryless career world. *Journal of Organizational Behavior* 26 (2), 177–202. doi.org/10.1002%2Fjob.290
- Atkinson, Rita L., Atkinson, Richard C., Smith, Edward E., Bem, Daryl J., Nolen-Hoeksema, Susan. Smith, Carolyn D. (2000) *Hildegard's Introduction to Psychology* London Harcourt College Publishers.

- Bakare, B. M. J. (2012). Students'adversity Quotient® and Related Factors as Predictors of Academic Performance in the West African Senior School Certificate Examination in South-Western Nigeria.
- Barrick, M.R., & Mount, M.K. (2003). Impact of meta-analysis methods on understanding personality-performance relations In Kevin Murphy (ed.) *Validity generalization: A critical review* (pp. 197-221). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Buntat, Y., & Ensa, N. (2010). Minat Pelajar Wanita Dalam Mata Pelajaran Teknik Dan Vokasional Di Sekolah. *Minat Pelajar Wanita Dalam Mata Pelajaran Teknik Dan Vokasional Di Sekolah*, 1-9.
- Capones, L. Antonette R. (2004). (n.d.) *Global Resilience Project*. Retrieved April 2, 2008 from http://peaklearning.com/grp_research.html
- Chua, Y. P. (2006) *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research methods in education* (6th edn.). London, NY: Routledge
- Creswell, J. W. (2002). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative*. Prentice Hall.
- Damiri, N., & Yahaya, A. (2004). Ciri-ciri Personaliti Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar, Gaya Pembelajaran Pelajar Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Field, A. (2005). *Discovering Statistics Using SPSS*. Second Edition. SAGE Publications Ltd; 1 Oliver's Yard, 55 City Road, London EC1Y 1SP.
- Goffnett, S. P. (2007). High performance quality management systems and work-related outcomes: exploring the role of audit readiness and documented procedures effectiveness. *Masters Theses and Doctoral Dissertations*, 32.
- Hamid, N. H. (2012). *Aspirasi kerjaya dalam kalangan pelajar bermasalah pendengaran di Politeknik* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Hamzah, A. (2008). *Teknik Belajar Matapelajaran Matematik di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Simpang Empat, Alor Gajah Melaka*. Projek Sarjana Muda: Universiti Teknologi Malaysia.
- Holland hexagonal model. Retrieved April 2, 2015 from <http://osp.revues.org/700>

- Holland, J. L. (1973). *Making Vocational Choices: A Theory of Career*. First Edition, Englewood Cliffs, N.J. Prentice-Hall Inc.
- Holland, J. L. (1994). *The self directed search* (rev. ed.). Odessa, FL: Psychological Assessment Resources.
- Holland, J. L., Powell, A. B., & Fritzsche, B. A. (1997). *Self directed search professional User's guide*. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources.
- Holland, J. L. (2000). *The self directed search: Occupations finder*. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources.
- Huang, S., & Fang, N. (2013). Predicting student academic performance in an engineering dynamics course: A comparison of four types of predictive mathematical models. *Computers & Education*, 61, 133-145.
- Huijuan, Zhou. (2009). "The adversity quotient and academic performance among college students at St. Joseph's College, Quezon City." *Bachelor Thesis. St. Joseph's College*.
- Hwang, I., & Kuo, J. (2006). Effects of job satisfaction and perceived alternative employment opportunities on turnover intention: An examination of public sector organizations. *The Journal of American Academy of Business*, 8(2), 254–259. Retrieved from <http://0-search.proquest.com.oasis.unisa.ac.za>
- Ishak, A., Rahmat, M., Shahrani, S., Zainal, N. F. A., & Rahman, R. A. (2014). Keselarasan Personaliti dengan Pemilihan Program Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. *Jurnal Teknologi*, 68(1).
- Jelas, Z. M., Rahman, S., Baki, R., & Ahmad, J. (2005). Prestasi akademik mengikut gender. *Jurnal pendidikan*, 30(2005), 93-111.
- Johnson, Monica Brannon (n.d.) *Global Resilience Project* .Retrieved April 2, 2015 from http://peaklearning.com/grp_research.html
- Judge, T. A., & Bono, J. E. (2001) Relationship of Core Self-Evaluations Traits-Self Esteem, Generalized Self-Efficacy, Locus of Control, and Emotional Stability-With Job Satisfaction and Job performance: A Meta-Analysis. *Journal of Applied Psychology*, 1, 80-92.
- Kamusin, K. N. (2009). Hubungan Gaya Pembelajaran Dunn Dan Dunn Kecerdasan Emosi Spiritual (ESQ) Dalam Kalangan Pelajar. Fakulti Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Konting, M. M. (2000) Kaedah Penyelidikan Pendidikan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Le Thi, E. (2007). Adversity quotient in predicting job performance viewed through the perspective of the big five.
- Lebar, O. (2006). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohammad, M. K. (2012). Pengaruh Minat Terhadap Prestasi Pelajar Program Diploma Kemahiran Mara. Fakulti Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohamad, M. H., Radzali, M. A., & Azhar, F. (2008). Aspirasi kerjaya di kalangan pelajar Kolej Komuniti.
- Mohd Sabawi, N. A. (2013). Hubungan Trait Personaliti Dengan Faktor Pemilihan Kerjaya Dalam Bidang Pendidikan. Fakulti Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nasharudin, N., & Harun, H. (2010). Aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Malaysian Journal of Education* (0126-6020), 35(1).
- Noah, S. (2002). *Perkembangan Kerjaya*, Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Nopiah, Z. M., Fuaad, N. F. A., Rosli, N. S., Arzilah, N., & Othman, H. (2013). Predicting the Performance of the Diploma Engineering Students Using the Pre-test Method. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 102, 153-157.
- Rais, M. (2010). Model Project Based-Learning Sebagai Upaya Meningkatkan Prestasi Akademik Mahasiswa. *JPP Undiksha*, 43(3).
- Romero, C., López, M. I., Luna, J. M., & Ventura, S. (2013). Predicting students' final performance from participation in on-line discussion forums. *Computers & Education*, 68, 458-472.
- Sekaran, U. (2003) *Research Method for Business: A Skill-building Approach*. 4th Ed, New York: John Wiley and Sons
- Stoltz, Paul G. (1997) *Adversity Quotient: Turning Obstacles into Opportunities* John Wiley & Sons, Inc.
- Stoltz, Paul G. (2000) *Adversity Quotient at Work*, New York, Harper Busines.
- Tai, R. H., Qi Liu, C., Maltese, A. V., & Fan, X. (2006). Planning Early for Careers in Science. *Science*, 312, 1143-1145.
- Tukiran, N. (2014). *Literasi pentaksiran dalam kalangan calon guru teknikal di IPTA zon selatan* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).

- W.Ismail, M.Amin, Kassim, N.Fitri (2005). Impak Penggunaan Automasi Terhadap Prestasi kerja Operator. Fakulti Pengurusan dan pembangunan Sumber Manusia. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Williams, Mark W (n.d.) the Relationship between Pricipal Response to Adversity and Student Achievement. Retrieved May 25, 2015 from:
http://www.peaklearning.com/documents/grp_dsouza.pdf
- Vandamme, P., Giaquinto, C., Huet, F., Gothefors, L., Maxwell, M., & Van der Wielen, M. (2007). Multicenter prospective study of the burden of rotavirus acute gastroenteritis in Europe, 2004–2005: the REVEAL study. *Journal of Infectious Diseases*, 195(Supplement 1), S4-S16.
- Veenstra, C.P., Dey, E.L., & Herrin, G.D. (2009). A Model for Freshman Engineering Retention. *Advances in Engineering Education (AEE)*, 1(3), 1-33. Retrieved from <http://advances.asee.org/vol01/issue03/papers/aee-vol01-issue03-p07.pdf>
- Yahya, A. (2003) Hubungan Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Teknik Negeri Sembilan: National Seminar “Memperkasakan Sistem Pendidikan”. Puteri Pan-Pacific, Johor Bharu, 19-21 Oktober 2003.
- Zainal Abidin M. S. (2006). Persediaan Pelajar Tahun Akhir Kejuruteraan Elektrik Di Politeknik Ke Arah Memenuhi Kehendak Pasaran. Fakulti Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia